

Sepadu keusahawanan dan agama

Mahasiswa SMU mahu gembeleng ilmu Fardu Ain dan ilmu Fardu Kifayah

MAHASISWA perniagaan seusianya kebanyakannya menyimpan hasrat mengejar kerjaya dengan gaji yang tinggi, tetapi Nurul Jannah Shaul Hamed pula sibuk memikir peluang meneroka bidang keusahawanan yang menerapkan prinsip dan nilai Islam.

Di samping menjadi pelajar sepenuh masa aliran pendidikan konvensional, Nurul Jannah, 21 tahun, juga mengikuti pengajian agama secara sambilan selama lebih 12 tahun.

Dengan ini, dia merasakan ilmu yang dimilikinya lebih menyeluruh dan sepadu.

Ini merangsang mahasiswa itu untuk menggembelengkan kededua bidang ilmu Fardu Ain dan ilmu Fardu Kifayah, bukan sahaja bagi memanfaatkan dirinya, malah-an untuk masyarakat Singapura.

“Saya kini sedang meneroka bidang keusahawanan sosial yang sesuai, yang bukan semata-mata mencari keuntungan 100 peratus, tetapi sesuatu yang terdorong oleh ajaran dan nilai-nilai Islam.

“Menerusi itu, saya dapat memanfaatkan ilmu yang saya pelajari selama ini,” kata Nurul Jannah, mahasiswa tahun ketiga kursus Sarjana Muda dalam Pengurusan Perniagaan di Universiti Pengurusan Singapura (SMU).

Menurutnya, antara model perusahaan yang dicari termasuk membuka restoran yang boleh menyumbang kepada masyarakat sejajar dengan tuntutan syarak dan panduan agama Islam.

Setahun setelah memulakan kuliah di SMU, Nurul Jannah mendaftarkan diri bagi kursus Diploma Pengajian Islam (DPI) di Cordova – keputusan yang dibuatnya sendiri bagi meneruskan pendidikan agama.

Sebelum ini, ibu bapanya yang meng-

hantar dan membiayai pendidikan agama beliau selama 10 tahun di pusat pendidikan yang sama sejak beliau di peringkat rendah.

“Bagi saya, keputusan mengambil DPI adalah niat saya sendiri kerana saya dapat pendidikan ini ada manfaatnya. Niat ini juga yang membuat saya mampu mengimbangi masa antara pengajian di SMU dengan Cordova,” kata anak sulung tiga beradik itu.

Bapanya bekerja di sebuah syarikat perkapalan manakala ibunya seorang pengurus jururawat.

Sifat insan adabi yang ditonjolkan Nurul Jannah, di samping keinginannya mahu belajar secara berterusan dalam bidang pengajian Islam, merupakan ciri dan perwatakan yang diharap dapat dilahirkan di kalangan para pelajar yang menghadiri kelas di Cordova, mahupun di syarikat kerabatnya, Andalus dan Al-Zuhri.

Pengarah Eksekutif Cordova, Ustazah A'ishah Ismail, berkata bilangan pelajar yang belajar secara berterusan dari tahap sekolah rendah sehingga ke peringkat diploma seperti Nurul Jannah semakin meningkat tahun demi tahun, dan beliau menyifatkannya sebagai satu perkembangan yang sangat positif dan memberangsangkan.

“Kami meletakkan sasaran agar sekurang-kurangnya 60 peratus pelajar yang bermula dari tahap permulaan melanjutkan pengajian sehingga ke peringkat diploma,” kata Ustazah A'ishah, 36 tahun.

Tambahnya, kurikulum di Cordova juga menerapkan kepelbagaian bagi memastikan ia menarik dan kekal relevan bagi para pelajar, misalnya aktiviti luar darjah seperti perkhemahan, pendidikan secara elektronik (e-pendidikan), qiamullail dan simposium pelajar.